



SURAT PEMBERITAHUAN PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 7(a)

Iklan adalah dibukakan kepada orang ramai dan Pegawai-Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam.

**PENOLONG PEGAWAI PEMELIHARAAN TERNAKAN (C.3-4 EB.5)
JABATAN PERTANIAN DAN AGRIMAKANAN
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Syarat-Syarat Am:

- (A) Pemohon terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- (D) Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.



**PENOLONG PEGAWAI PEMELIHARAAN TERNAKAN
JABATAN PERTANIAN DAN AGRIMAKANAN
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN
C.3-4 EB.5 (\$1,990 - \$2,970 EB KHAS \$3,040 - \$3,320 SEBULAN)
KEKOSONGAN = TIGA (03)**

KELAYAKAN MINIMUM:


1. a) *BDTVEC / BTEC Diploma Tertinggi Kebangsaan (HND) atau sebanding dalam bidang Agriculture Science / Animal Husbandry / Animal Science / Crop and Livestock Production / Laboratory Science / Science (Chemistry and Biology) / Veterinary Science atau bidang bersesuaian.*

ATAU

- b) Telah berkhidmat di Jabatan Pertanian dan Agrimakanan dalam jawatan bersesuaian dalam tangga gaji C.2 atau sebanding tidak kurang dari 3 tahun atau dalam tangga gaji C.1 atau sebanding tidak kurang dari 5 tahun.

ATAU

- c) Telah berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian dalam tangga gaji C.2 atau sebanding tidak kurang dari 4 tahun atau dalam tangga gaji C.1 atau sebanding tidak kurang dari 6 tahun.
2. Berkebolehan bertutur dan menulis dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris dengan baik.
3. Berkebolehan mengendalikan komputer dan penggunaan perisian seperti *Microsoft Office, Google Drive, Powerpoint, Excel, Words* dan *Publisher* adalah kelebihan.
4. Berpengalaman dalam mengendalikan dan pemeliharaan peralatan-peralatan makmal seperti *LC-MS / MS, Vitek, Biolog, Microplate Reader, Microscope* dan *PCR* adalah kelebihan.
5. Mempunyai pengalaman dan kemahiran dalam pengurusan dan pemeliharaan ternakan adalah kelebihan.



TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

UNIT KESIHATAN AWAM VETERINAR

1. Membantu Ketua Unit dalam penyelarasan program-program pemantauan di bawah Jabatan;
2. Bertanggungjawab dalam merancang, mengurus dan menjalankan pemeriksaan veterinar serta pemantauan di ladang ternakan dan rumah penyembelihan seperti yang ditetapkan;
3. Menyelaras dan mengawal selia hal ehwal pengurusan pusat penyembelihan di bawah kawalan Jabatan;
4. Meneliti dan mengemaskini garispanduan pembangunan pusat penyembelihan dan *standard* kebersihan penghasilan produk ternakan selaras dengan piawaian antarabangsa;
5. Menjalankan pemeriksaan daging *ante-mortem* dan *post-mortem* di pusat penyembelihan;
6. Memberikan khidmat nasihat kepada pengusaha dan membantu melaksanakan laporan sokongan bagi memastikan operasi rumah penyembelihan berjalan dengan lancar;
7. Membantu mengemaskini dan meneliti data penyembelihan bagi laporan tren bulanan, suku dan tahunan;
8. Menyediakan dan menghadapkan laporan-laporan berkaitan seperti laporan penilaian prestasi kerja, laporan Tekad Pemedulian Orang Ramai (TPOR) dan lain-lain;
9. Bertanggungjawab dalam menyelia dan menyediakan jadual kerja bagi kakitangan di bawah jagaan serta membantu dalam program latihan bagi meningkatkan dan mengekalkan kompetensi kakitangan; dan
10. Melaksanakan tugas atau arahan-arahan lain yang diberikan dari semasa ke semasa oleh Ketua Bahagian / Ketua Unit.



UNIT KESIHATAN HAIWAN DAN KAWALAN PENYAKIT

1. Membantu Ketua dalam pengendalian serta pemantauan projek-projek terutama sekali dalam pemantauan dan kawalan penyakit dan kerja-kerja yang berkaitan dengan pertumbuhan industri ternakan;
2. Membantu Pegawai Haiwan dalam kerja-kerja pemantauan penyakit haiwan serta persampelan haiwan ternakan dan yang berkaitan dengannya di ladang-ladang ternakan dan kawasan penternakan dan pemeliharaan;
3. Membantu mengadakan program-program bagi pencegahan penyakit berkepentingan dan penyakit *Zoonosis*;
4. Bertanggungjawab dalam pengurusan jadual-jadual pemantauan penyakit haiwan ternakan dan yang berkaitan dengannya bagi pegawai dan kakitangan di bawah Bahagian Industri Ternakan dan Perkhidmatan Veterinar;
5. Menyediakan laporan-laporan pemantauan kawalan penyakit dan mengemaskini data rumusan secara berterusan;
6. Mengelakkan hubungan profesional (*Maintain liaison*) dengan pengusaha-pengusaha ternakan, doktor-doktor veterinar, para-veterinar, pengurus-pengurus syarikat pemakanan dan lain-lain;
7. Bersedia untuk bertugas dengan pegawai / kakitangan luar Jabatan dan pihak-pihak lain yang tertentu bagi penyelarasan kerja-kerja yang berkaitan seperti Pasukan bertindak bagi *Zoonosis* bersama Kementerian-Kementerian yang lain;
8. Bersedia menyampaikan taklimat serta mengadakan kempen kesedaran kepada pegawai / kakitangan ataupun kepada orang awam mengenai perkara-perkara berkepentingan di dalam haiwan ternakan atau kesihatan haiwan secara umumnya;
9. Menjalankan penguatkuasaan akta yang termaktub di bawah kawalan Jabatan terutama sekali yang berkaitan dengan Bahagian Industri Ternakan dan Perkhidmatan Veterinar;
10. Menjalankan pendaftaran doktor-doktor veterinar di bawah Perintah Doktor Veterinar dan perkara-perkara berkaitan dengannya;
11. Membantu Ketua dalam kerja-kerja pentadbiran dalam dan luar Unit/Bahagian; dan



12. Bersedia mengadakan latihan-latihan bagi pegawai dan kakitangan dalam dan luar Unit / Bahagian bagi pembangunan kapasiti.

UNIT PERKHIDMATAN MAKMAL VETERINAR

1. Mengendalikan kerja-kerja pemeriksaan dan penganalisaan makmal veterinar termasuk melaksanakan pengesahan dan menyediakan laporan bagi keputusan hasil penganalisaan makmal yang akan ditempatkan;
2. Mengimplementasikan sistem pengurusan makmal ke arah skim akreditasi *ISO/IEC 17025 - Testing Laboratory* serta membantu dalam meningkatkan sistem pengurusan kualiti makmal;
3. Melaksanakan kerja-kerja pembangunan metodologi dalam penganalisaan makmal berkaitan, mengendalikan peralatan-peralatan makmal termasuk memastikan bekalan penganalisaan adalah mencukupi bagi penggunaan yang berterusan;
4. Menyelia dan menyediakan jadual kerja bagi pegawai dan kakitangan di bawah jagaan serta melatih tenaga teknikal makmal mengenai dengan teknik-teknik penganalisaan makmal berkenaan;
5. Membantu Ketua dalam kerja-kerja pentadbiran dalam dan luar Unit / Bahagian;
6. Menyediakan laporan program yang berkaitan dari semasa ke semasa;
7. Memberikan taklimat kepada orang ramai mengenai hal ehwal berkaitan dengan program dibawah Bahagian Industri Ternakan dan Perkhidmatan Veterinar; dan
8. Bersedia mengadakan latihan-latihan bagi pegawai dan kakitangan dalam dan luar Unit / Bahagian bagi pembagunan kapasiti.